

KEMAHIRAN MENGGUNAKAN PERISIAN PERAKAUNAN DAN
PEMROSESAN PERKATAAN (WORD PROCESSING) DI
KALANGAN PELAJAR DIPLOMA PERAKAUNAN : SATU
TINJAUAN DI LIMA POLITEKNIK DI MALAYSIA

WAN MAIMUNAH BINTI WAN ISHAK

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00077073 9

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : KEMAHIRAN MENGGUNAKAN PERISIAN PERAKAUNAN DAN PEMROSESAN PERKATAAN (*WORD PROCESSING*) DI KALANGAN PELAJAR DIPLOMA PERAKAUNAN : SATU TINJAUAN DI LIMA POLITEKNIK DI MALAYSIA

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya WAN MAIMUNAH BINTI WAN ISHAK
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat- syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap : 82, Lorong Balok Baru 1,
Perumahan Balok Baru
26100 Kuantan, Pahang

Tarikh : 19/9/02

Disahkan oleh




(TANDATANGAN PENYELIA)

En. Mohd Izam Ghazali
Nama Penyelia

Tarikh : 19/9/02

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau terhad, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”

Tandatangan : 

Nama Penyelia : En. Mohd Izam bin Ghazali

Tarikh : 19/9/02

KEMAHIRAN MENGGUNAKAN PERISIAN PERAKAUNAN DAN
PEMROSESAN PERKATAAN (*WORD PROCESSING*) DI KALANGAN PELAJAR
DIPLOMA PERAKAUNAN : SATU TINJAUAN DI LIMA POLITEKNIK DI
MALAYSIA


WAN MAIMUNAH BINTI WAN ISHAK

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan	:	
Nama Penulis	:	Wan Maimunah binti Wan Ishak
Tarikh	:	19 Sept 2002

DEDIKASI

Buat ibu dan arwah ayah yang dikasihi jasa kalian dikenang.

Buat suami dan cahaya mata tersayangHARIZ IKHWAN, kasih sayang kalian
memberikan semangat.

Terima Kasih

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah *s.w.t* kerana dengan limpah kurniaNya, dapatlah saya menyiapkan Projek Sarjana ini dengan jayanya. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pembimbing saya, En. Mohd Izam Ghazali atas segala tunjuk ajar dan bimbingan dalam menjayakan projek ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada semua pensyarah di Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional (JPTV) yang terlibat dalam sidang viva dan membantu sehingga siapnya Projek Sarjana ini.

Terima kasih di atas segala bantuan yang diberikan. Semoga Allah *s.w.t* merahmati kalian di atas segala yang telah dihulurkan. Terima Kasih.

Wan Maimunah binti Wan Ishak
GT 010121

ABSTRAK

Kemahiran komputer menjadi satu aset penting kepada graduan-graduan dalam menempatkan diri dalam pasaran pekerjaan. Kajian ini tertumpu kepada usaha mengenalpasti tahap kemahiran pelajar-pelajar semester akhir Diploma Perakaunan di politeknik sebelum mereka menamatkan pengajian. Seramai 150 orang pelajar dari 5 buah politeknik, terdiri dari pelajar semester akhir Diploma Perakaunan telah dipilih sebagai responden. Perisian SPSS Versi 10.0 telah digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi dan statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis dapatan. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar-pelajar masih kurang mahir menggunakan perisian perakaunan tetapi mereka didapati mahir menggunakan perisian pemprosesan perkataan (*word processing*).

ABSTRACT

Computer literacy is an important asset to graduate students to make themselves marketable in job market. This study is conducted to identify the level of computer literacy, among Diploma In Accountancy's final semester students, before they graduated from polytechnics. 150 students, from 5 polytechnics, have been involved as respondents. SPSS Version 10.0 was used to analyze the data gathered and descriptive statistics were utilized to analyze the findings. The results showed that the students are less literate in accounting package but they are literate in using word processing software.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	8

1.6	Kepentingan Kajian	8
1.6.1	Pelajar	8
1.6.2	Politeknik	9
1.6.3	Majikan / Industri	9
1.7	Skop Kajian	10
1.8	Definisi Istilah	11
1.8.1	Kemahiran	11
1.8.2	Komputer	11
1.8.3	Pemprosesan Perkataan	12
1.8.4	Perisian Perakaunan	12
1.8.5	Literasi Komputer	13
1.8.6	Perakaunan	13
BAB II	SOROTAN PENULISAN	14
2.1	Pengenalan	14
2.2	Komputer Dalam Pendidikan	16
2.3	Komputer Dalam Pendidikan Perakaunan	18
2.4	Perbandingan Perakaunan Manual dan Berkomputer	21
2.4.1	Persekitaran Manual	22
2.4.2	Persekitaran Berkomputer	22
2.5	Kepentingan Literasi Komputer Kepada Pelajar Perakaunan	24
2.6	Kurikulum Bagi Kursus Diploma Perakaunan Di Politeknik-Politeknik Di Malaysia	28
2.6.1	P104 Pengenalan Komputer	28
2.6.2	P204 Pengurusan Data Berkomputer	30
2.6.3	P301 Sistem Perakaunan Berkomputer	30
2.7	Kerangka Teori	32

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	33
	3.1 Pengenalan	33
	3.2 Reka Bentuk Kajian	34
	3.3 Responden	34
	3.3.1 Kaedah Persampelan	35
	3.4 Instrumen Kajian	35
	3.4.1 Borang Soal Selidik	36
	3.4.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan	38
	3.5 Kaedah Analisis Data	40
	3.6 Batasan Kajian	41
	3.7 Andaian	42
BAB IV	ANALISIS DATA	43
	4.1 Pengenalan	43
	4.2 Analisis Item	45
	4.3 Analisis Latar Belakang Pelajar	46
	4.3.1 Jantina	46
	4.3.2 Umur	47
	4.3.3 Tempat Menjalani Latihan Industri	48
	4.3.4 Penggunaan Komputer Semasa Latihan Industri	49
	4.3.5 Perisian Yang Paling Banyak Digunakan Semasa Latihan Industri	50
	4.3.6 Persisian Perakaunan Yang Digunakan Semasa Latihan Industri	51
	4.3.7 Lokasi Penggunaan Komputer Semasa Pengajian Di Politeknik	52

4.3.8	Perisian Pemrosesan perkataan Yang Diajar Dalam Program Pengajian	53
4.3.9	Perisian Perakaunan Yang Diajar Dalam Program Pengajian	54
4.3.10	Peningkatan Kemahiran Komputer Di kalangan Pelajar	55
4.4	Perisian Perakaunan Yang Digunakan	56
4.5	Kemahiran Pelajar Dalam Menggunakan Perisian Perakaunan	57
4.6	Perisian Pemrosesan Perkataan Yang Digunakan	60
4.7	Kemahiran Pelajar Menggunakan Perisian Pemrosesan Perkataan (<i>Word Processing</i>)	61
4.8	Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Meningkatkan Kemahiran Komputer	63
BAB V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	65
5.1	Pengenalan	65
5.2	Perbincangan	66
5.2.1	Perisian Perakaunan Yang Dipelajari Di Politeknik	66
5.2.2	Tahap Kemahiran Pelajar Menggunakan Perisian Perakaunan Yang Dipelajari	67
5.2.3	Perisian Pemrosesan Perkataan (<i>Word Processing</i>) Yang Dipelajari Di Politeknik	68
5.2.4	Tahap Kemahiran Pelajar Menggunakan Perisian Pemrosesan Perkataan (<i>Word Processing</i>) Yang Dipelajari	69

5.2.5 Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Meningkatkan Kemahiran Komputer	70
5.3 Kesimpulan	71
5.4 Cadangan	73
5.4.1 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	75
5.5 Penutup	76
BIBLIOGRAFI	77
LAMPIRAN A – D	82 - 99

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Bidang profesional yang diperlukan oleh guru untuk mendapatkan pendidikan lanjutan	17
2.2	Penggunaan komputer di kalangan penduduk dunia antara 1985 – 2000	24
2.3	Jenis pekerjaan dan jenis kemahiran yang diperlukan oleh industri	25
2.4	<i>Changes in role in cross functional teams 1995 – 2000</i>	27
3.1	Skala Pemeringkatan Likert	37
3.2	Pembahagian item soalan di dalam borang soal selidik	38
3.3	Jadual tafsiran min	41
4.1	Jenis perisian perakaunan yang dipelajari di 5 buah politeknik yang dipilih	56
4.2	Analisis min bagi kemahiran pelajar menggunakan perisian perakaunan	58
4.3	Jenis perisian pemprosesan perkataan yang dipelajari di 5 buah politeknik yang dipilih	60
4.4	Analisis min bagi kemahiran pelajar dalam menggunakan perisian pemprosesan perkataan (<i>word processing</i>)	62
4.5	Analisis min bagi masalah pelajar dalam meningkatkan kemahiran komputer	63

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Peratus responden mengikut jantina	46
4.2	Peratus responden mengikut umur	47
4.3	Tempat menjalani latihan industri	48
4.4	Penggunaan komputer semasa latihan industri	49
4.5	Penggunaan perisian semasa latihan industri	50
4.6	Penggunaan perisian perakaunan semasa latihan industri	51
4.7	Lokasi penggunaan komputer	52
4.8	Jenis perisian pemprosesan perkataan yang dipelajari	53
4.9	Jenis perisian perakaunan yang diajar dalam program	54
4.10	Peningkatan kemahiran komputer di kalangan pelajar	55

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	82
B	Laporan Kajian Rintis	90
C	Analisis Kebolehpercayaan Bagi Kajian Sebenar	94
D	Analisis Kekerapan dan Min	96

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada hari ini, teknologi komputer telah berkembang pesat. Dengan bantuan komputer, kerja-kerja boleh dilakukan dengan lebih lancar, cekap dan lebih efisien. Usaha-usaha kerajaan seperti pelancaran Multimedia Super Corridor (MSC) adalah satu usaha untuk memantapkan pengetahuan tentang IT di kalangan rakyat. Ia adalah komitmen kerajaan untuk terus membangunkan teknologi berasaskan maklumat dan persekitaran tanpa batasan dan tanpa kertas (*borderless and paperless environment*) (Lau Ban Tin, 1998).

Teknologi komputer terus berkembang sejak ia diperkenalkan pada tahun 1945 dengan nama ENIAC oleh Prosper Eckert dan John Mouchly dari Univesity of Pennsylvania (Wright and Forcier, 1985). Pada ketika itu, ENIAC hanya mampu menjalankan fungsi untuk operasi-operasi matematik asas iaitu fungsi campur, tolak, bahagi dan darab. Fungsinya tidak ubah seperti sebuah mesin kira (*calculator*).

Dengan usaha berterusan, teknologi komputer terus mengalami peningkatan dan membantu manusia menjalankan tugas-tugas seharian sehingga pada tahun 1982 telah diisytiharkan sebagai *Year of Computer* oleh kerana sumbangan besar komputer dalam melicinkan lagi tugas-tugas manusia (Wright dan Forcier, 1985). Sumbangan yang diberikan termasuklah di dalam bidang pendidikan (Abang Ahmad Ridzuan dan Salawati, 2001). Apabila pelajar-pelajar menamatkan pengajian, mereka akan terdedah pula kepada perkembangan dan aplikasi teknologi komputer di dalam alam pekerjaan.

Bagi seorang akauntan misalnya, penggunaan teknologi akan mengubah atau mempengaruhi cara mereka menjalankan tugas-tugas seperti merekod dan menyimpan data-data perniagaan. Jika kemahiran akauntan tidak seiring dengan keperluan majikan, mereka tidak akan diperlukan lagi di organisasi tersebut. Jika dahulu, akauntan diperlukan kerana kemahiran mereka memanipulasi angka dan menyediakan maklumat kewangan kepada pihak pengurusan, namun dengan perkembangan teknologi, seorang pengurus juga boleh melakukan tugas ini dengan bantuan pelbagai perisian yang terdapat di pasaran (Boer, 2000). Maka akauntan perlu menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi jika mereka ingin terus dihargai. Dengan pengetahuan perakaunan disertai kemahiran komputer, akauntan mampu memberi nilai tambah (*value added*) kepada maklumat kewangan dan peranan mereka akan dihargai oleh pihak pengurusan syarikat.

Negara melalui pelbagai strategi yang dilaksanakan juga menekankan kepentingan kemahiran komputer di kalangan rakyatnya. Antaranya seperti yang tergaris di dalam perenggan 79 – 80 Wawasan 2020 iaitu :

'Computer Literacy is a must if we want to progress and develop. No effort must be spared in the creation of information rich Malaysian society'.

Untuk merealisasikan cita-cita negara ini, sumber tenaga manusia yang berilmu dan berkebolehan sangat diperlukan. Maka peranan institusi pendidikan seperti politeknik adalah sangat penting untuk memberikan pendidikan yang bermutu dan melahirkan tenaga manusia yang berkebolehan dan berdaya saing. Menurut Sumilah (1997), terdapat pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan mutu pendidikan negara, antara lainnya ialah melalui penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran.

Politeknik sebagai sebuah institusi yang melahirkan graduan-graduan perakaunan, harus memberi perhatian kepada penggunaan teknologi seperti komputer dalam bidang pengajian yang ditawarkan. Ini adalah penting kerana pelajar yang dilahirkan akan menjadi sumber tenaga manusia kepada negara. Melihat kepada kepentingan penggunaan komputer sebagai keperluan dalam bidang perakaunan khususnya dan bidang pekerjaan lain amnya, maka kurikulum yang ditawarkan oleh politeknik harus bersesuaian dengan kehendak semasa industri.

1.2 Latar Belakang Masalah

Menurut *International Federation of Accountants (IFAC)* melalui *International Education Guideline 11 (IEG 11)*, Disember 1995, antara lain menyatakan akauntan perlu mempunyai kemahiran komputer atau teknologi maklumat dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Antara kemahiran asas yang perlu ada dimiliki oleh seseorang graduan perakaunan ialah :

- i. kebolehan menggunakan pakej pemprosesan perkataan (*word processing*).
- ii. kebolehan menggunakan pakej lembaran kerja (*spreadsheet*).
- iii. kebolehan menggunakan pakej pangkalan data (*database*).
- iv. kebolehan menggunakan sekurang-kurangnya satu daripada pakej perakaunan.

American Accounting Association Committee pula menyatakan pelajar-pelajar perakaunan perlu menguasai perisian seperti *word processing* dan *spreadsheet* kerana ia akan membantu mereka menjadi calon '*favourite*' dalam proses mendapatkan pekerjaan (Stone, D.N, et.al., 1996). Heagy dan Gallun (1994) melalui kajiannya pula berpendapat sesebuah institusi pengajian tinggi perlu memberikan penekanan yang lebih kepada lembaran kerja (*spreadsheet*) diikuti oleh sistem perakaunan dan pemprosesan perkataan (*word processing*). Menurut Collins (1999) pula, tidak wujud suatu sistem perisian komputer yang dikatakan terbaik kerana adalah terlalu sukar untuk menyesuaikan ciri-ciri perisian komputer dengan keperluan individu di dalam melaksanakan kerja masing-masing.

Di sini dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan komputer dalam sektor pekerjaan adalah meluas bergantung kepada skop kerja setiap individu. Maka adalah menjadi hasrat pengkaji untuk melihat sejauhmana pelajar semester akhir Diploma Perakaunan telah menguasai kemahiran-kemahiran dalam menggunakan perisian komputer yang kebanyakannya nanti akan digunakan bila mereka menceburi alam pekerjaan.

1.3 Pernyataan Masalah

Seiring dengan perkembangan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), penggunaan komputer dalam bidang pekerjaan makin meluas. Terdapat banyak pendapat lain yang dikemukakan oleh pelbagai pihak yang terlibat dalam bidang perakaunan mengenai kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar. Antaranya, 5 syarikat perakaunan terbesar (*Big Five*) menerusi kertas kajian '*Perspectives On Education 1989*' dan *Accounting Education Change Commission's Position Statement Number One (AECC 1990)*, menyatakan bahawa pelajar-pelajar perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka di dalam teknologi maklumat, komputer dan sistem-sistem perakaunan. Badan-badan ini menggesa supaya pelajar mampu menguasai perisian-perisian seperti *spreadsheet* dan *word processing* kerana ini akan memberi kelebihan kepada mereka di dalam pekerjaan (Stone, D.N, et.al, 1996).

Coopers & Lybrand dalam majalah *New Accountant* (1992) menyatakan :

"The new staff member should have a conceptual understanding of accounting information system and the ability to use generally accepted micro-based tools (e.g : spreadsheet and word processing software). Experience with other applications software and experience with information systems in the business world is a plus".

Kajian oleh Heagy dan McMickle (1988) juga mendapati 122 CPA (*Certified Public Accountant*) dan 172 ahli akademik perakaunan berpendapat pengetahuan dan kemahiran komputer terutamanya *spreadsheet* adalah sangat penting kepada pelajar (Stone, D.N, et.al, 1996).

Pengkaji mendapati telah wujud kajian yang dijalankan mengenai tahap kemahiran komputer di kalangan pelajar-pelajar Diploma Perakaunan sebelum ini iaitu oleh Suhaila Madros (2001). Namun, skop kajian yang dijalankan adalah terhad kepada penggunaan dua perisian perakaunan sahaja iaitu perisian *Universal Business Software (UBS)* dan perisian *Mind Your Own Business (MYOB)*. Bilangan responden juga adalah terhad.

Dengan ini, pengkaji telah menjalankan kajian dengan skop yang lebih luas iaitu untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar menggunakan komputer dari aspek kemahiran menggunakan pakej perakaunan dan pemprosesan perkataan (*word processing*) di kalangan pelajar semester akhir Diploma Perakaunan di 5 buah politeknik. Politeknik yang dipilih ialah :

- i. Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan, Pahang.
- ii. Politeknik Kota Bharu, Kelantan
- iii. Politeknik Seberang Prai, Pulau Pinang
- iv. Politeknik Port Dicksons, Negeri Sembilan
- v. Politeknik Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah